



KASSIM (duduk tengah) merakamkan gambar kenangan bersama sebahagian peserta bengkel itu.

35 peserta UMS jayakan bengkel penambahaikan

UB 26.3.2014 B3

SERAMAI 35 peserta menjayakan Bengkel Penambahbaikan Pengurusan Kebajikan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bertempat di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Kota Kinabalu yang dianjurkan oleh Bahagian Kebajikan dan Biasiswa Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata, semua peserta itu terdiri daripada Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar)

sekolah, pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Bendahari, Jabatan Teknologi dan Komunikasi Maklumat, Pusat Rawatan Warga serta Majlis Perwakilan Pelajar.

“Objektif utama bengkel adalah untuk memantapkan pengurusan kebajikan pelajar dengan lebih sistematik agar semua urusan yang berkaitan hal ehwal kebajikan pelajar dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

“Usaha-usaha murni yang dirancang oleh Bahagian Kebajikan dan Biasiswa Pelajar pada hari ini adalah membantu memperkemaskan gerak kerja yang

boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pelajar,” katanya di majlis penutupan Bengkel Penambahbaikan Pegurusan Kebajikan Pelajar UMS, di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, bengkel sedemikian adalah keprihatinan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dalam memberi sokongan penuh dan padu kepada kebajikan pelajar yang merupakan aset universiti tidak ternilai.

Katanya, kejayaan sesebuah universiti diukur dengan kejayaan pelajar dalam bidang akademik mahupun dalam bidang kemahasiswaan.